



**YAB USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN HAJI YAKOB**  
**S.J.M.K., D.J.M.K., J.P., S.M.K.**  
**MENTERI BESAR KELANTAN**



**KELANTAN SEJAHTERA  
UNTUK ISLAM**



## 1. Pendahuluan

Allah SWT berfirman:-

لِيُنْفِقُ ذُو سَعَةٍ مِّنْ سَعْتِهِ وَمَنْ قُدْرَةُ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلَيُنْفِقْ مِمَّا أَتَاهُ اللَّهُ  
لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا أَتَاهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا

Maksudnya: "Hendaklah orang yang mampu memberi perbelanjaan menurut kemampuannya; dan sesiapa yang di sempitkan rezekinya, maka hendaklah dia memberi perbelanjaan dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu). Allah tidak membebankan seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan." (Surah At-Thalaq: 7)

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

Segala pujian bagi Allah, Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang yang telah memberikan hidayah, taufiq dan inayah untuk Kerajaan Negeri Kelantan membentangkan Bajet bagi tahun 2017 dalam Persidangan Kali Ketiga (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Yang Keempat Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Ketiga Belas pada hari yang bersejarah ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada seluruh rakyat Kelantan yang telah menunjukkan semangat kerjasama yang tinggi bersama-sama Kerajaan Negeri dalam Agenda Kelantan Melangkah

Kehadapan: Keberkatan, Kemakmuran, Kebajikan dalam fasa merakyatkan Membangun Bersama Islam.

### **1.1 Kekuatan Rakyat dan Negeri Kelantan:-**

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

- (i) Rakyat Kelantan mempunyai kekuatan ekonominya yang tersendiri. Sebagai contoh pertumbuhan pesat pasaraya-pasaraya besar di Negeri Kelantan menunjukkan petanda positif dalam pengembangan ekonomi. Dari segi pemilikan aset kediaman pula, Negeri Kelantan berada pada kedudukan ke-3 tertinggi iaitu sebanyak **83.9%**.
- (ii) Kadar kemiskinan di Kelantan telah menurun sebanyak **1.8%** daripada **2.7%** pada 2012 kepada **0.9%** pada tahun 2014. Ianya banyak dibantu oleh pelbagai jenis program kebajikan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri.
- (iii) Prestasi ekonomi Negeri Kelantan terhasil daripada kekuatan ekonomi rakyat digandingkan dengan jentera pentadbiran yang cekap. Saya merakamkan jutaan terima kasih kepada kakitangan dan pegawai kerajaan yang memberikan kerjasama dan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat Kelantan. Jabatan-Jabatan dan Agensi-Agenzi di bawah Kerajaan Negeri juga kekal bersih daripada sebarang pendakwaan oleh pihak SPRM.
- (iv) Di atas premis ini, Kerajaan Negeri dapat mengorak langkah dalam melaksanakan dengan jayanya beberapa program berimpak tinggi untuk kesejahteraan rakyat Negeri Kelantan seperti:-
  - a. Penstrukturran semula perkhidmatan bekalan air bersih kepada rakyat.

- b. Program pencegahan dan pengawasan dalam menangani banjir dan bencana alam.
  - c. Pemberimanikan tanah sebagai aset bagi pengembangan ekonomi rakyat.
  - d. Pengurusan hutan yang mapan bagi memulihara aset hutan yang produktif dengan mengekalkan keseimbangan alam sekitar.
  - e. Program pendidikan berterusan dan pembangunan infrastruktur pendidikan.
- (v) Dalam melaksanakan program di atas terutamanya bagi pengurusan tanah dan hutan, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan beberapa pendekatan bagi mengekang penerokaan haram tanah kerajaan dan hutan simpan, membanteras sindiket haram yang berselindung di sebalik permohonan milik tanah kerajaan dan membaik pulih kawasan hutan yang telah diteroka secara haram. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri menggesa agensi-agensi persekutuan seperti KESEDAR dan FELCRA agar segera membangunkan tanah-tanah yang telah diluluskan bagi mempertingkatkan keadaan sosio-ekonomi rakyat dari kalangan peneroka.

## 1.2 Fakta Ekonomi

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

- (i) Ekonomi global dijangka meningkat pada kadar yang sederhana bergantung kepada perkembangan harga komoditi, pembetulan dan perubahan pasaran kewangan serta pelarasan dasar ekonomi oleh negara-negara utama. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global diunjurkan mencatat pertumbuhan pada kadar **3.6%** pada tahun 2016 berbanding dengan **3.1%** pada tahun 2015. Pertumbuhan ekonomi dunia dan hala tuju harga minyak dunia mempunyai implikasi kepada pertumbuhan

- ekonomi negara yang terus diterajui oleh permintaan dalam negeri.
- (ii) Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan pada kadar **4.0%** pada suku kedua 2016. Berdasarkan Laporan Suku Tahunan Bank Negara Malaysia, ianya dijangka berupaya mencapai momentum pertumbuhan yang diunjurkan di antara **4.0% - 4.5%** pada tahun ini. Pertumbuhan ekonomi negara menghadapi cabaran yang semakin sukar ekoran kekangan aliran modal dan tekanan inflasi yang semakin meningkat.
- (iii) Dari segi prestasi ekonomi Negeri, peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Kelantan telah menurun sebanyak **1.5%** pada tahun 2015 (**3.5%**) berbanding KDNK tahun 2014 (**5.0%**). Penurunan **1.5%** ini lebih rendah berbanding dengan lima negeri yang lain yang mencatat penurunan dalam julat **2.2%** hingga **3.1%**.
- (iv) Pertumbuhan ekonomi Kelantan sudah tentu berkait rapat dengan prestasi ekonomi Malaysia walaupun nisbah pencapaian yang agak sederhana. KDNK Kelantan dijangka terus mengukuh dan diunjurkan berkembang secara positif dan sederhana selari dengan perkembangan ekonomi negara pada tahun 2016.
- (v) Pada tahun 2015, ekonomi Kelantan menyumbangkan sebanyak **RM19.72 bilion** kepada KDNK Malaysia di mana daripada jumlah tersebut, **91.4%** adalah disumbangkan oleh Sektor Perkhidmatan dan Sektor Pertanian, yang mana masing-masing menyumbangkan **RM13.08 bilion** dan **RM4.95 bilion**. Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi mencatatkan prestasi yang kukuh pada tahun 2015. Sektor perkhidmatan berkembang sebanyak **4.9%** dan merupakan penyumbang terbesar kepada pertumbuhan dengan sumbangan sebanyak **66.3%** kepada pertumbuhan KDNK Negeri. Perkembangan ini ekoran perkembangan pesat dalam sub sektor pemborongan

dan peruncitan, perkhidmatan kerajaan, perkembangan sub sektor kewangan dan insurans serta utiliti.

- (vi) Sektor pertanian menyumbangkan sebanyak **25.1%** kepada pertumbuhan KDNK Negeri yang disumbang oleh sub sektor perladangan dan komoditi melalui tanaman kelapa sawit dan selebihnya disumbang oleh perhutanan, getah, ternakan, perikanan dan pertanian lain. Bagi menyokong pertumbuhan ekonomi dalam negeri, sektor pembuatan menyumbang sebanyak **5.5%** kepada pertumbuhan KDNK Negeri, **1.8%** lagi disumbang oleh sektor pembinaan, manakala **1.1%** lagi disumbang oleh sektor perlombongan dan carigali.
- (vii) Hasil daripada gesaan dan usaha Kerajaan Negeri, beberapa projek yang menjadi keutamaan negeri telah disenaraikan untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) yang sedang berjalan dan ini dijangka akan terus mengembang dan mengukuh ekonomi Negeri Kelantan secara positif bagi tahun 2017 seperti Pembinaan Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai, Pembesaran dan Penaikan taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra serta Pembangunan Pelabuhan Tok Bali di bawah Wilayah Pembangunan Ekonomi Pantai Timur (ECER).
- (viii) Namun demikian, projek-projek ini perlu dilaksanakan dengan segera oleh Kerajaan Persekutuan memandangkan terdapat banyak projek pembangunan yang telah lama diselesaikan oleh Kerajaan Negeri dari segi penyediaan tapak dan pengambilan tanah namun belum dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan sepenuhnya. Kerajaan Negeri berharap agar projek-projek yang tersenarai itu dapat dilaksanakan kesemuanya kerana pembangunan ekonomi Kelantan sudah tentu menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia.

- (ix) Kedudukan Kelantan sebagai negeri yang berjiran dengan Negara Thailand merupakan satu kedudukan strategik bagi menarik pelabur untuk pembangunan bandar-bandar sempadan Negara menerusi pelaksanaan Zon Ekonomi Sempadan Khas. Projek-projek di bawah Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMTGT) yang akan dibina dalam tahun 2017 termasuklah Jambatan Pengkalan Kubor-Takbai dan Jambatan Kedua Rantau Panjang-Golok bakal merancakkan lagi perkembangan ekonomi merentas sempadan.

## 2. Fakta Bajet 2017 Secara Am

### 2.1 Tema Bajet

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

Tema bajet pada tahun ini ialah **Kelantan Sejahtera Untuk Islam**.

Selaras dengan tema berkenaan, bajet 2017 adalah merupakan perancangan berbelanja secara bijaksana dan berhemat dengan memberikan keutamaan kepada projek-projek atau program-program yang boleh mendatangkan manfaat secara langsung kepada pembangunan berteraskan kesejahteraan rakyat dan penggembelingan sumber yang optima bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negeri.

### 2.2 Anggaran Hasil Negeri

- (i) Anggaran Hasil Negeri pada tahun 2017 dijangka diperolehi sebanyak **RM636.98 juta** yang meliputi hasil cukai sebanyak **RM179.67 juta**, Hasil Bukan Cukai sebanyak **RM308.02 juta** dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak **RM149.29 juta**. Jumlah tersebut menunjukkan berlakunya peningkatan dalam hasil sebanyak **RM43.18 juta** ataupun sebanyak **7.27%** berbanding dengan anggaran hasil tahun 2016 sebanyak **RM593.80 juta**.

- (ii) Hasil hutan kekal menjadi penyumbang terbesar dengan jumlah **RM177.20 juta** atau **27.81%** daripada keseluruhan jumlah hasil. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak **RM4.25 juta** ataupun sebanyak **1.73%** jika dibandingkan dengan anggaran pada tahun 2016 yang sebanyak **RM172.96 juta**.
- (iii) Hasil hutan lain juga meliputi royalti kayu-kayan yang akan menyumbangkan sebanyak **RM30.0 juta**, bayaran jabatan hutan sebanyak **RM22.0 juta**, permit lesen perhutanan menyumbang **RM1.5 juta** sementara premium perhutanan pula sebanyak **RM70 juta**.
- (iv) Hasil tanah pula kekal menjadi penyumbang kedua terbesar dengan jumlah **RM157.91 juta** atau **24.79%** daripada keseluruhan jumlah hasil. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak **RM20.94 juta** ataupun sebanyak **15.2%** jika dibandingkan dengan anggaran pada tahun 2016 iaitu sebanyak **RM136.97 juta**.
- (v) Hasil tanah meliputi pungutan cukai tanah sebanyak **RM46.54 juta**, premium tanah **RM55.0 juta**, bayaran pendaftaran **RM7.07 juta** serta notis dan denda lewat bayaran cukai tanah sebanyak **RM6.73 juta**.
- (vi) Hasil perlombongan dijangka menyumbang sebanyak **RM70.0 juta** atau **10.99%** daripada keseluruhan jumlah hasil. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak **RM7.5 juta** ataupun sebanyak **0.63%** jika dibandingkan dengan anggaran pada tahun 2016 yang sebanyak **RM62.5 juta**.
- (vii) Hasil air dijangka menyumbang sebanyak **RM13.0 juta** atau **2.04%** daripada keseluruhan jumlah hasil. Ini adalah sama dengan anggaran pada tahun 2016.

(viii) Manakala Terimaan Dari Agensi Kerajaan menyumbang sejumlah **RM112.48 juta** atau **17.66%**, Terimaan Lain-Lain sejumlah **RM99.53 juta** atau **15.63%**. Hasil pelaburan **RM4.56 juta** atau **0.72%** dan Hasil Rumah Awam Kos Rendah **RM2.29 juta** atau **0.36%** daripada keseluruhan jumlah hasil tahun 2017.

### **2.3 Anggaran Perbelanjaan Mengurus**

- (i) Anggaran Perbelanjaan Mengurus pada tahun 2017 dijangka sebanyak **RM679.63 juta** berbanding **RM639.41 juta** pada tahun 2016 iaitu meningkat sebanyak **RM40.22 juta** ataupun sebanyak **6.39%** merangkumi Perbelanjaan Tanggungan sebanyak **RM21.48 juta** dan Perbelanjaan Bekalan sebanyak **RM658.15 juta**.
- (ii) Sebanyak **RM359.52 juta** atau **52.9%** adalah untuk Pemberian dan Kenaan Tetap, **RM194.16 juta** atau **28.57%** adalah untuk Emolumen, **RM109.25 juta** atau **16.07%** adalah untuk Perkhidmatan dan Bekalan, **RM14.49 juta** atau **2.13%** adalah untuk Aset manakala **RM2.21 juta** atau **0.33%** adalah untuk Lain-Lain Perbelanjaan.
- (iii) Kerajaan telah meneliti secara terperinci anggaran belanjawan jabatan bagi memastikan peruntukan yang disediakan adalah merupakan keperluan sebenar jabatan dan mengambil kira kenaikan kos-kos pengurusan. Oleh yang demikian, perbelanjaan mengurus bagi tahun 2017 telah dapat disediakan ke paras yang amat munasabah dan memenuhi keperluan sebenar setiap jabatan. Oleh itu, setiap anggota perkhidmatan awam negeri perlu bersedia dan menyumbang ke arah peningkatan prestasi dan produktiviti kerja dalam usaha memenuhi kehendak rakyat selaku pelanggan utama kerajaan.

## **2.4 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan**

- (i) Peruntukan pembangunan bagi tahun 2017 adalah berjumlah **RM281.61 juta** yang dibiayai di bawah peruntukan negeri sebanyak **RM191.61 juta** dan sebanyak **RM90.0 juta** daripada sumber pinjaman. Kerajaan Negeri akan terus memberi fokus dan penekanan kepada usaha mempertingkatkan penyediaan prasarana dan kemudahan bagi memajukan tahap sosio-ekonomi rakyat jelata berdasarkan kepada kemampuan kewangan Kerajaan Negeri.
- 2.5 Secara keseluruhannya, Bajet Negeri Kelantan 2017 merupakan belanjawan defisit yang dijangka berjumlah **RM42.65 juta**, berbanding dengan anggaran defisit dalam bajet tahun 2016 yang berjumlah **RM45.61 juta**. Jumlah defisit ini menurun sebanyak **RM2.96 juta** ataupun **0.46%** berbanding defisit pada tahun 2016.
- 2.6 Selaras dengan tema Bajet 2017 iaitu **Kelantan Sejahtera Untuk Islam**, maka bajet ini akan memberi tumpuan kepada empat teras berikut:-
- Teras Pertama: **Keberkatan** iaitu dengan Membangunkan Kesejahteraan Rakyat Berteraskan Pembangunan Insan Untuk Mencapai Keredhaan Allah;
- Teras Kedua: **Kemakmuran** iaitu dengan Merancakkan Pembangunan Ekonomi Rakyat Dengan Memanfaatkan Sumber Setempat;
- Teras Ketiga: **Kebajikan** iaitu dengan Membela Golongan Dhaif Dan Miskin, Orang Kelainan Upaya, Anak Yatim, Armalah Dan Warga Emas; dan
- Teras Keempat: **Kecekapan** iaitu dengan Mengukuhkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam Negeri dan Mengukuhkan Kewangan Negeri.

- 2.7 Berdasarkan teras yang dinyatakan, bajet 2017 akan berpaksikan kepada strategi-strategi berikut:-
- a) Mempergiatkan aktiviti dakwah dan bina insan bagi melahirkan rakyat yang bermotivasi tinggi, dinamik dan berbakat serta mengamalkan nilai-nilai hidup Islam yang syumul.
  - b) Merancakkan aktiviti ekonomi rakyat dengan membuka lebih banyak peluang dalam bidang-bidang yang bersesuaian dengan bakat dan persekitaran mereka bertujuan meningkatkan taraf hidup rakyat.
  - c) Memastikan kemudahan infrastruktur dan utiliti asas dapat dibangunkan dan diselenggara dengan baik termasuk penambahbaikan sistem bekalan air terawat, menaiktaraf jalan-jalan negeri, pembaikian jalan-jalan kampung dan kebersihan bandar untuk keselesaan rakyat.
  - d) Mewujudkan urus tadbir yang baik dengan mengutamakan ketelusan dan kecekapan menerusi pentadbiran yang berlandaskan *Ubudiyah, Masuliyyah dan Itqan*.
  - e) Merancang perbelanjaan secara optima dan mengelak ketirisan dalam perbelanjaan.
  - f) Memperkuatkannya kutipan hasil termasuk tunggakan hasil dan memperluaskan sumber-sumber hasil negeri yang baharu.

### 3. Keberkatan

Allah berfirman:-

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْذِلْلَةُ أَيْنَ مَا تُقْفُوا إِلَّا بِحَبْلٍ مِّنَ اللَّهِ وَحَبْلٍ مِّنَ النَّاسِ  
وَبَآءُوا بِغَضَبٍ مِّنَ اللَّهِ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا  
يَكْفُرُونَ بِعَائِتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ الْأَنْبِيَاءَ بِغَيْرِ حَقٍّ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا

يَعْتَدُونَ

Maksudnya: "Mereka ditimpakan kehinaan di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab dari Allah dan adanya hubungan dengan manusia. Dan sudah sepertinya mereka beroleh kemurkaan dari Allah dan mereka ditimpakan kemiskinan. Yang demikian itu, disebabkan mereka sentiasa kufur ingkar akan ayat-ayat Allah dan mereka membunuh Nabi-Nabi dengan tiada alasan yang benar. Semuanya itu disebabkan mereka derhaka dan mereka sentiasa melampaui (hukum-hukum Allah)." (Surah Aali Imran : 112)

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

- 3.1 Keberkatan sesebuah Kerajaan bergantung kepada sejauh mana Kerajaan itu menjaga agama dengan menjaga hubungan dengan Allah (*Hablun Minallah*) dan hubungan dengan rakyat (*Hablun Minannas*). Untuk tujuan menjaga agama, Kerajaan Negeri memperuntukkan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) sebanyak **RM44.06** juta iaitu **RM36.95** juta sebagai perbelanjaan mengurus dan sebanyak **RM7.11** juta untuk melaksanakan pelbagai program keagamaan antaranya Ihya Ramadhan di peringkat Negeri dan Jajahan yang diperuntukkan sebanyak **RM750** ribu, Tahfiz Al-Quran sebanyak **RM150** ribu, perayaan Agama Islam atau Hijratul Rasul **RM110** ribu, Ujian Tilawah Al-Quran **RM200** ribu, Pembangunan Islam Jajahan **RM150** ribu, Program Hududullah

**RM100 ribu**, Kecemerlangan Solat **RM800 ribu**, Program Majlis Bersama Ulama' / Guru Pondok / Ketua Madrasah berjumlah **RM200 ribu**, Kelas Tafaqquh Fiddin **RM90 ribu** dan Kelas Tarannum Al-Quran **RM50 ribu**. Kerajaan juga akan terus menyediakan peruntukan sebanyak **RM850 ribu** untuk Program-Program Kursus Pembangunan Keluarga, Seminar dan Kursus Pra-Perkahwinan.

- 3.2 Kerajaan Negeri juga telah menyedia peruntukan sejumlah **RM7.0 juta** di bawah Pejabat Pembangunan Negeri bagi projek pembinaan dan pembaikian masjid-masjid seluruh negeri termasuk Pembinaan Masjid Keputeraan. Kerajaan Negeri juga masih mengekalkan sumbangan tahunan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan sebanyak **RM1.0 juta**.
- 3.3 Kerajaan Negeri dalam menyatakan komitmen terhadap pentadbiran syariah di negeri ini terus memperuntukkan **RM1.0 juta** kepada Prasarana Material Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah II dan sebanyak **RM1.3 juta** kepada Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan, iaitu sebuah jabatan yang baharu yang diasingkan daripada JAHEAIK. Ia merupakan usaha pertama yang dilaksanakan seumpama ini di Malaysia dan *Insya-Allah* selepas daripada ini bakal menyaksikan pula pengasingan Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah daripada JAHEAIK untuk menjadi satu lagi Jabatan baharu yang berasingan. Ini membuktikan bahawa prasarana dan perancangan Kerajaan Negeri dalam memartabatkan perundangan syariah di negeri ini bukanlah satu retorik atau momokan kosong.
- 3.4 Kerajaan Negeri sangat prihatin terhadap isu pendidikan yang seimbang dan memperuntukkan **RM96.0 juta** kepada Yayasan Islam Kelantan (YIK) berbanding **RM78.0 juta** pada tahun 2016 untuk meneruskan agenda kecemerlangan akademik dan syaksiah para pelajar dan **RM4.0 juta** lagi diperuntukkan untuk projek pembangunan baru, menaiktaraf dan menyelenggara bangunan sekolah-sekolah YIK.

- 3.5 Bagi memartabatkan program pendidikan dan pembelajaran, di dalam bajet 2017 juga telah diperuntukkan sebanyak **RM7.26 juta** berbanding **RM6.0 juta** bagi tahun 2016 untuk Program Pendidikan dan Pembelajaran bagi pendidikan pra sekolah, aktiviti pendidikan, bantuan pelajaran, dana pendidikan guru YIK dan program pengajian tinggi. Bagi menyatakan komitmen yang tinggi Kerajaan Negeri terhadap pendidikan aras tinggi, mulai tahun 2017, Maahad Sains Tok Guru akan mula mengambil pelajar sulungnya sebagai sebuah sekolah berasrama penuh yang akan mengamalkan medium perantaraan di dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.
- 3.6 Program-program yang menjurus ke arah pembinaan insan telah diperuntukkan sebanyak **RM2.2 juta** di bawah Pejabat Pembangunan Negeri dan sebanyak **RM100 ribu** bagi Institut Latihan Perguruan Kelantan. Kerajaan Negeri merancang mewujudkan Pusat Latihan Bina Insan di Jeram Mengaji Pasir Puteh bagi menjadi pusat pengajaran dan pembelajaran yang sistematis kepada rakyat melalui program pembangunan insan. Menyedari bahawa Negara kita menyaksikan kehilangan satu demi satu mutiara ulama yang kembali ke sisi Rabbul Jalil, Kerajaan Kelantan terus komited dan giat melaksanakan program melahirkan ulama pelapis di kalangan rakyat Kelantan menerusi Program Membina Generasi Ulama.
- 3.7 **RM2.0 juta** pula diperuntukkan kepada Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) melalui Yayasan Kelantan Darulhaim (YAKIN) bagi meneruskan program pembangunan dan pengurusan operasi harian. Menerusi YAKIN, Kerajaan Negeri telah berjaya memeteraikan kerjasama dengan Negara Turki dengan menaja 10 orang pelajar bagi melangsungkan pengajian perubatan di sana. Kerajaan Negeri juga sedang membuat hubungan kerja dengan berapa institusi pengajian tinggi seperti di Algeria, Indonesia, Kuwait dan Qatar. Dari segi infrastruktur pendidikan, Kerajaan Negeri telah berjaya mewujudkan hostel kediaman pelajar Kelantan di Mesir, manakala di Jordan masih lagi dalam fasa pembinaan.

#### 4. Kemakmuran

Allah SWT berfirman:-

وَالْبَلَدُ الْطَّيِّبُ مَنْخُرُجُ نَبَاتُهُ بِإِذْنِ رَبِّهِ وَالَّذِي خَبُثَ لَا تَخْرُجُ إِلَّا نَكِدًا  
كَذَلِكَ نُصَرِّفُ الْأَيَتِ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ ﴿٢﴾

Maksudnya: “Dan negeri yang baik (tanahnya), tanaman-tanamannya tumbuh (subur) dengan izin Allah; dan negeri yang tidak baik (tanahnya) tidak tumbuh tanamannya melainkan dengan keadaan layu. Demikianlah Kami menerangkan tanda-tanda (kemurahan dan kekuasaan) Kami dengan berbagai cara bagi orang-orang yang (mahu) bersyukur.” (Surah Al-A’raf : 58)

**Yang Berhormat Dato’ Speaker,**

- 4.1 Kemakmuran sesebuah Negeri banyak dikaitkan dengan penyediaan suatu kehidupan yang sejahtera yang terbit dari pembangunan spiritual dan material. Dalam membangunkan pusat-pusat pertumbuhan yang baharu, Kerajaan Negeri telah berjaya memacu pengembangan ekonomi di Negeri Kelantan dengan memajukan Lembah Sireh sebagai satu pusat komersial yang pesat berkembang dan memajukan Bandar Baru Tunjong sebagai Bandar Hijau dengan Nilai Pelaburan Kasar dianggarkan **RM4.2 billion**.
- 4.2 Bagi mengurus pembangunan di segenap pelusuk Negeri, sejumlah **RM53.71 juta** diperuntukkan sebagai perbelanjaan mengurus kepada semua 10 Pejabat Tanah dan Jajahan serta Pejabat Tanah dan Jajahan Kecil Lojing. Sejumlah **RM43.25 juta**, **RM22.09 juta**, dan **RM21.0 juta** masing-masing diperuntukkan untuk projek-projek pembangunan fizikal, perbelanjaan mengurus dan program-program sosio-ekonomi di bawah Pejabat Pembangunan Negeri.

- 4.3 Kerajaan Negeri merancang untuk melaksanakan pembangunan Rumah Mampu Milik Kelantan (RMMK) sebanyak 2,136 unit pada tahun 2017. Manakala projek RMMK yang sedang dalam pembinaan sebanyak 1,309 unit dan yang telah siap dari tahun 2013 hingga 2016 adalah sebanyak 628 unit. Sejumlah **RM9.0 juta** diperuntukkan untuk pembinaan Rumah Awam Mampu Milik dan sebanyak **RM6.4 juta** bagi program Bantuan Rumah *Dhuafa'* yang diperuntukkan bagi tujuan penyelenggaraan rumah-rumah dan pembinaan rumah di setiap Dewan Undangan Negeri untuk membantu meringankan beban rakyat yang kurang berkeupayaan untuk membaiki dan mendapatkan rumah sendiri. Sebanyak **RM1.2 juta** pula diperuntukkan untuk perkhidmatan Bekalan Air Luar Bandar.
- 4.4 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah pihak berkuasa yang paling dekat dengan rakyat. Bagi membantu rakyat menerusi PBT, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM4.9 juta** sebagai pemberian mengurus dan gantian cukai PBT dan gantian cukai perumahan. **RM12.7 juta** pula diperuntukkan untuk kerja-kerja perkhidmatan dan pembangunan perbandaran demi keselesaan rakyat.
- 4.5 Negeri Bersih, Rakyat Sihat. Dari segi kebersihan dan pengurusan sisa pepejal, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **RM6.0 juta** untuk tahun 2017 bagi tujuan ini berbanding hanya **RM800 ribu** pada tahun 2016 iaitu peningkatan sebanyak **RM5.2 juta** daripada bajet sebelum ini. Daripada jumlah tersebut sebanyak **RM5.0 juta** adalah bagi tujuan pembelian lori pengurusan sisa pepejal kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri. Langkah ini diambil setelah mengambil kira bahawa urusan permohonan penswastaan pengurusan sisa pepejal oleh Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. masih belum dibuat kata putus oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Ini merupakan mesej yang jelas daripada Kerajaan Negeri bahawa isu kebersihan merupakan isu yang sangat dititikberatkan oleh Kerajaan Negeri demi kemaslahatan rakyat.

- 4.6 Pembangunan infrastruktur asas akan tetap menjadi keutamaan Kerajaan kerana ianya memangkin kepada pembangunan sosio-ekonomi rakyat. JKR sebagai peneraju pembangunan kerjaraya dan infrastruktur menerima peruntukan **RM36.71 juta** sebagai perbelanjaan mengurus dan **RM21.1 juta** untuk memperluaskan sistem rangkaian jalan negeri seperti Projek Naiktaraf Jalan Pasir Hor Kubang Kerian ke Pasir Jelatang, Pasir Tumboh yang bakal menjadi laluan pintasan kepada pengguna jalan raya dari Kota Bharu ke Pasir Tumboh, Wakaf Stan, Bachok, Pasir Puteh dan kawasan sekitarnya tanpa melalui kesesakan lalu lintas di Bandar Kubang Kerian dan Wakaf Che Yeh. Pembinaan projek ini dijangka akan mula dilaksanakan pada awal tahun 2017 di mana proses reka bentuk telah disiapkan oleh perunding pada tahun 2016.
- 4.7 Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan projek infrastruktur di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan yang melibatkan Projek Pembinaan Jambatan Baharu Pasir Tumboh, Projek Naiktaraf Jalan Kubur Maras dan juga Projek Meninggi Aras “Road Kerb” di Jalan-Jalan Negeri dalam Bandar Kota Bharu untuk keselesaan rakyat yang dianggarkan menelan kos sebanyak **RM9.5 juta** melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan.
- 4.8 Selain daripada itu, Kerajaan juga memperuntukkan sejumlah **RM180.0 juta** bagi pengurusan dan penyenggaraan jalan-jalan utama negeri melalui Peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri (KAPJN). Pengurusan penyelenggaraan jalan juga telah ditambah baik dengan perlantikan syarikat konsesi yang menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dengan lebih efisyen.
- 4.9 Di samping itu, Kerajaan juga akan terus melaksanakan program-program menaiktaraf jalan-jalan kampung di seluruh negeri. Sebanyak **RM10.0 juta** disediakan bagi pembinaan dan menaiktaraf jalan-jalan kampung, **RM4.0 Juta** untuk jalan-jalan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, **RM800 ribu** lagi untuk pembinaan jalan-jalan di kawasan industri dan sebanyak **RM7.0 juta** pula diperuntukkan untuk pembinaan dan pembaikian jambatan di seluruh Negeri Kelantan.

- 4.10 Di dalam Bajet 2017, sebanyak **RM10.0 juta** telah diperuntukkan untuk bayaran pengambilan balik tanah bagi cadangan pembinaan jalan-jalan negeri baharu bagi memberi kemudahan serta keselesaan kepada pengguna. Dengan terbinanya rangkaian jalan-jalan baharu ini, ianya dijangka dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di jalan-jalan utama sedia ada serta secara tidak langsung menjadi pemangkin untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk setempat.
- 4.11 JPS pula menerima **RM21.78 juta** sebagai perbelanjaan mengurus dan **RM9.22 juta** sebagai perbelanjaan pembangunan. Daripada peruntukan yang diberikan kepada JPS, **RM4.0 juta** daripadanya diperuntukkan untuk program infrastruktur pertanian.
- 4.12 Bidang pertanian sentiasa menjadi tumpuan Kerajaan Negeri. Sejumlah **RM12.97 juta** diperuntukkan sebagai perbelanjaan mengurus Jabatan Pertanian Negeri, **RM8.07 juta** sebagai perbelanjaan mengurus Jabatan Veterinar Negeri dan **RM720 ribu** sebagai perbelanjaan mengurus Jabatan Perikanan Negeri. **RM1.41 juta** diperuntukkan untuk program-program berkaitan pertanian seperti Program Pembangunan Industri Padi, Program Pembangunan Industri Pelbagai Komoditi, Program Pembangunan Industri Sayuran, Buah-Buahan dan Kelapa serta Program Pembangunan Usahawan Tani. Dengan menggunakan pendekatan Sistem Pengembangan Tekno Pertanian sebagai kaedah penyampaian perkhidmatan pengembangan, semua program dapat dirangka dengan rapi dan membolehkan penglibatan daripada semua golongan sasar. Usaha berterusan juga dilakukan oleh Jabatan Pertanian Negeri Kelantan dalam mempromosikan dan menggalakkan para petani mendapatkan persijilan *MyOrganic* iaitu amalan pengurusan ladang yang diusahakan secara organik. Perkara ini bersesuaian untuk memaju Kelantan ke arah Pertanian Organik.
- 4.13 Sementara itu, **RM3.01 juta** diperuntukkan untuk projek-projek pertanian di mana daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM1.8 juta** diperuntukkan bagi Bantuan Baja kepada para petani, **RM740 ribu**

bagi Promosi Pertanian dan Latihan dan **RM320 ribu** bagi Hari Peladang peringkat Kebangsaan atau Negeri. Peruntukan prasarana yang berkaitan pertanian juga turut diperuntukkan di bawah Pejabat Pembangunan Negeri di samping menyediakan peruntukan KAPJN bagi Penyelenggaraan Jalan Pertanian di seluruh Negeri Kelantan.

- 4.14 Bagi pembangunan Industri Asas Tani dalam tempoh 3 tahun ini, seramai 2,281 orang usahawan telah berdaftar dan mendapat bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan. Nilai pendapatan keseluruhan usahawan ini dalam tempoh 2013 hingga 2015 adalah sebanyak **RM210.0 juta** dan seramai 952 orang usahawan telah memperolehi pendapatan bulanan melebihi RM3,000. Pendapatan tahunan tertinggi usahawan bimbingan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan setakat ini adalah **RM6.0 juta** hingga **RM8.0 juta** setahun.
- 4.15 Bagi pembangunan tanah terbiar di Negeri Kelantan, Jabatan Pertanian Negeri Kelantan telah berjaya mengenalpasti seluas **8,907 Hektar** kawasan yang boleh dipulihkan dan dibangunkan. Sehingga kini seluas **566 Hektar** telah berjaya dibangunkan dengan pelbagai tanaman seperti tembikai (**64.5 Hektar**), pisang (**71.1 Hektar**), kelapa (**113.5 Hektar**) dan selebihnya adalah tanaman pelbagai komoditi lain iaitu jagung, nangka, betik dan durian dan usaha ini akan terus diberi penekanan dalam memulih dan membangunkan tanah terbiar di seluruh Negeri Kelantan.
- 4.16 Merujuk kepada keperluan tahap sara diri (SSL) bagi Negeri Kelantan bagi tahun 2015, pengeluaran makanan bagi padi ialah **116.9%** dan bagi buah-buahan sebanyak **167.3%**. Kedua-duanya telah melebihi tahap SSL yang diperlukan. Manakala bagi sayur-sayuran adalah **78%** di mana kerajaan melalui Jabatan Pertanian Negeri Kelantan akan berusaha meningkatkan lagi pengeluaran sayur-sayuran di dalam negeri pada masa akan datang.
- 4.17 **RM3.22 juta** diperuntukkan untuk projek-projek penternakan seperti Penternakan lembu kacukan dengan otot berganda yang dilihat

mampu menjana ekonomi masyarakat penternak, di mana secara beransur-ansur kawasan-kawasan tanaman tembakau dahulunya kini bertukar menjadi kawasan pengeluaran pastura untuk sumber makanan ternakan. Jabatan Veterinar Negeri akan terus menjalankan perkhidmatan permanen beradas yang selama ini menjadi kunci utama kepada kejayaan dalam menghasilkan lembu-lembu yang berkualiti.

- 4.18 Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak **RM2.0 juta** untuk Program Galakan Pertanian dan Penternakan di bawah Pejabat Pembangunan Negeri dan **RM300 ribu** untuk rancangan Perkembangan Perusahaan Lembu dan Kambing Tenusu, manakala **RM570 ribu** pula diperuntukkan untuk projek-projek perikanan dan **RM300 ribu** bagi Bantuan Nelayan Pantai / Sungai dan Akuakultur.
- 4.19 Dalam bidang perindustrian hab halal, Kerajaan Negeri telah mewujudkan kawasan perindustrian di Mukim Apam dan telah menandatangani perjanjian pengeluaran gelatin halal yang pertama seumpama itu di Negara kita dengan pihak Wilayah Linxia dari Negara China.
- 4.20 Bajet kali ini juga memberi penekanan kepada langkah-langkah untuk melahirkan generasi usahawan yang berkualiti tinggi dan berdaya saing dengan memperuntukkan **RM6.05 juta** untuk tujuan tersebut, di mana **RM2.5 juta** diperuntukkan di bawah Program Usahawan Berdikari yang menggabungkan lima program pembangunan usahawan iaitu Program Gerakan Berdikari Rakyat Kelantan, Galakan Usahawan, Skim Bina Usahawan, Program Pembangunan Kemahiran Usahawan dan Galakan Perdagangan. Sebanyak **RM900 ribu** disediakan untuk Projek Pembangunan Infrastruktur Usahawan dan **RM150 ribu** untuk Program Pembangunan Usahawan Tani. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak **RM2.5 juta** dalam bajet 2017 untuk membina serta membaiki pasar dan gerai di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan bagi

membantu usahawan-usahawan kecil dan sederhana memasarkan produk-produk perniagaan mereka.

- 4.21 Negeri yang makmur adalah terhasil daripada rakyat yang hidup dengan harmoni. Kerajaan Negeri tidak pernah melupai sumbangan penduduk berbilang kaum dan Masyarakat Orang Asli di Negeri Kelantan dalam membangunkan serta memakmurkan negeri ini. Justeru, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah **RM1.5 juta** untuk program hubungan masyarakat antara kaum yang akan diselia oleh satu badan khas yang dikenali sebagai Pusat Integrasi Antara Kaum (PEKA).

## 5. Kebajikan

Allah SWT berfirman:-

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَ لَهُ وَمَا لَهُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَالٰ ﴿١﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana, maka tiada sesiapapun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu, dan tidak ada sesiapapun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadanya. (Surah Ar-Ra'd : 11)

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

- 5.1 Dasar Negeri berkebajikan masih lagi terus menjadi Prinsip Pentadbiran Kerajaan Negeri. Program-program kebajikan yang dijalankan sejak sekian lama terus ditambah baik selaras dengan dasar ini. Tahun 2016 mencatatkan sejarah apabila agenda penstrukturran semula perkhemmatan bekalan air bersih telah

direalisasikan dengan termeterai perjanjian antara Kerajaan Negeri yang merupakan negeri ke-8 menandatangani perjanjian tersebut dengan Kerajaan Persekutuan. Ia merupakan satu tindakan berani yang dipilih Kerajaan Negeri demi mengutamakan kebajikan rakyat melebihi politik kepartian.

- 5.2 Warga emas di Kelantan sentiasa mendapat perhatian khusus daripada Kerajaan Negeri. Tahun 2017 menandakan genap sedekad Skim Perlindungan Sosial atau dikenali sebagai Takaful Kifaalah Warga Emas yang mula dilancar pada tahun 2007. Sehingga Julai 2016, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak **RM73.068 juta** bagi pembiayaan skim ini. Bagi meneruskan skim ini, pada tahun 2017, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM8.0 juta** iaitu meningkat **RM1.0 juta** berbanding tahun 2016.
- 5.3 Program Pembangunan Ladang Rakyat kekal menjadi peneraju program kebajikan kepada rakyat miskin. Semenjak diperkenalkan pada tahun 2006, Program ini telah mendatangkan hasil sebanyak **RM91.5 juta** yang mana manfaat Program ini telah disalurkan terus kepada rakyat miskin sebanyak **RM87.0 juta** dan bakinya disalurkan kepada Badan-Badan Kebajikan yang menjaga kebajikan agama dan rakyat Negeri ini.
- 5.4 Secara pentadbirannya, Jabatan Kebajikan Masyarakat menerima peruntukan sebanyak **RM20.8 juta** sebagai perbelanjaan mengurus dan **RM17.86 juta** untuk bantuan-bantuan kebajikan di mana daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM2.55 juta** telah diperuntukkan di bawah Program Pembelaan Rakyat Miskin, **RM3.3 juta** untuk program *Al-It'am* (bantuan bekalan beras). Sebanyak **RM500 ribu** diperuntukkan untuk Bantuan Segera Bencana Alam dan **RM3.0 juta** untuk Bantuan Perkahwinan Rakyat Miskin. Selain itu juga, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **RM200 ribu** bagi Program Pengurusan Jemaah Haji sebagai inisiatif membantu memudahkan urusan perjalanan para jemaah haji Negeri Kelantan. Diharapkan dengan penyediaan kemudahan ini sedikit sebanyak dapat membantu para

jemaah haji negeri melaksanakan rukun Islam kelima dengan lebih lancar dan selesa.

- 5.5 Dalam aspek kesihatan dan alam sekitar, kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **RM1.0 juta** untuk menggerakkan Kempen Kesihatan, Bantuan Penyakit Kronik serta aktiviti-aktiviti pemuliharaan alam sekitar. Ia memberi isyarat yang jelas bahawa Kerajaan Negeri sentiasa cakna dalam menjaga kebijakan, kesihatan rakyat dan alam sekitar, manakala **RM600 ribu** telah diperuntukkan untuk pelbagai aktiviti yang melibatkan agenda kesejahteraan rakyat termasuklah aktiviti untuk Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) yang bersama mendokong aspirasi Kerajaan Negeri.
- 5.6 Kerajaan Negeri memandang serius terhadap peranan belia dan wanita dalam membangunkan negeri dan menganggap belia sebagai aset negeri pada masa hadapan dan wanita sebagai tonggak keharmonian keluarga dan masyarakat. Justeru, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **RM5.7 juta** bagi tujuan Program Belia Dan Sukan serta **RM5.5 juta** untuk Program Wanita, Keluarga, Kanak-Kanak, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan Pembangunan Masyarakat. Dengan program ini, secara langsung ianya dapat mengaruspertandakan aktiviti belia dan sukan serta aktiviti-aktiviti kekeluargaan dan kemasyarakatan sekaligus membantu menangani gejala sosial dan kebejatan moral, seterusnya memacu keharmonian masyarakat dan negeri pada masa akan datang.
- 5.7 Kerajaan Negeri turut meneruskan tradisi bagi membela golongan *Armalah* (Ibu Tunggal) dan Anak Yatim dengan peruntukan sebanyak **RM6.0 juta** bagi tahun 2017 berbanding **RM5.0 juta** pada tahun 2016. Kerajaan Negeri juga telah menambahkan peruntukan Bantuan Am Bulanan Al-Musa'adah daripada **RM10.6 juta** kepada **RM10.8 juta** bagi tahun 2017. Peruntukan-peruntukan ini disediakan sesuai dengan hasrat memupuk masyarakat penyayang, selari dengan tuntutan Islam ke arah mewujudkan masyarakat dan negeri sejahtera. Walaupun dalam keadaan kewangan negeri yang agak terhad, Kerajaan Negeri

komited dan akan terus menyediakan peruntukan-peruntukan bagi tujuan pembelaan rakyat dan kesejahteraan rakyat.

- 5.8 Kerajaan Negeri dalam mengiktiraf sumbangan dan peranan wanita telah menaiktarafkan 16 Pusat Pembangunan Wanita Kelantan terpilih kepada Mini Darul Niswah, iaitu Pusat Aktiviti Sepadu Wanita atau '*Women Activity Centre*'. Bagi memastikan sejarah kejayaan, kecemerlangan dan pencapaian wanita Kelantan didokumentasikan secara sistematik dan terancang, Pusat Sumber Sayyidatina Hafsa telah dilancarkan penubuhannya dengan harapan ia akan dapat berkembang sebagai sebuah pusat sumber dan maklumat berkenaan wanita Kelantan yang akan menjadi rujukan pelbagai lapisan masyarakat.
- 5.9 Sektor pelancongan masih kekal menjadi sektor utama dalam menjanakan ekonomi Negeri Kelantan serta memberi peluang pekerjaan dan pendapatan kepada rakyat tempatan. Beberapa langkah telah dilaksanakan untuk menaikkan sektor pelancongan. Antaranya ialah dengan mengadakan promosi *Road Show* ke seluruh Malaysia dan mengadakan program "B2B" bersama penggiat sektor pelancongan di luar negara iaitu di China, Brunei, Singapura dan lain-lain.
- 5.10 Sektor pelancongan di Negeri Kelantan juga dijangka akan terus meningkat dengan adanya produk-produk pelancongan yang baharu antaranya ialah Pasar Terapung di Kampung Pulau Suri, Tumpat yang merupakan Pasar Terapung Pertama di Malaysia yang telah mula beroperasi pada bulan September 2016.
- 5.11 Kerajaan Negeri juga sedang bekerjasama dengan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) bagi Pembangunan Kampung Laut, Tumpat sebagai Kampung Warisan. Antara komponen pembangunan di Kampung Warisan ini ialah gerai jualan dan makanan, bengkel serunding, pusat informasi, galeri wayang kulit dan jeti pelancongan.

- 5.12 Dalam usaha untuk meningkatkan kemasukan pelancong ke Kelantan, Kerajaan Negeri sentiasa akan bersedia dengan pelbagai persiapan dari segi infrastruktur pelancongan, produk-produk pelancongan dan acara-acara yang menarik. Pihak Berkuasa Tempatan perlu menjaga produk-produk pelancongan yang ada dalam kawasan masing-masing dengan mempertingkatkan tahap kebersihan dan keceriaan.
- 5.13 Kelantan, Negeri Berbudaya. Bagi tujuan galakan kebudayaan, kesenian dan pelancongan, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah **RM3.0** juta. Selain daripada itu, sejumlah **RM250 ribu** diperuntukkan untuk projek pembangunan khazanah dan warisan, **RM500 ribu** untuk projek Pembangunan Kampung Tradisional dan **RM800 ribu** untuk pembangunan infrastruktur pelancongan. Kerajaan Negeri juga komited untuk menjadikan pantai-pantai di Kelantan sebagai salah satu destinasi pelancongan utama negeri. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri terus memperuntukkan sebanyak **RM2.6** juta bagi projek pencegahan hakisan pantai melalui pembinaan *groin* di kawasan-kawasan pantai yang berisiko.
- 5.14 Tahun 2016 ialah Tahun Melawat Kelantan. Saya berharap agenda pelancongan dalam negeri diteruskan dalam tahun 2017 dengan memperkenalkan Tahun 2017 sebagai Tahun Melawat Jajahan-Jajahan dalam Negeri Kelantan. Pejabat-Pejabat Tanah Jajahan dan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah menyemarakkan kempen pelancongan peringkat Jajahan dengan mengutamakan sumber tarikan pelancongan yang sedia ada khususnya dalam bentuk pelancongan berdasarkan alam sekitar (*eco-tourism*) dan pelancongan berdasarkan agama (*religious tourism*).

## 6. Kecekapan

Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلاً أَنْ يُتْقَهِّظُ

*Maksudnya: “Sesungguhnya Allah SWT menyukai apabila seseorang daripada kalangan kamu apabila bekerja, dia melakukannya dengan Itqan.”* (Hadith Riwayat Al-Baihaqi).

*Itqan* bermaksud melakukan sesuatu dengan penuh komitmen, kemahiran yang tinggi dan iltizam.

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

- 6.1 13 daripada 18 jabatan serta agensi Kerajaan Negeri telah diberi penarafan 5 Bintang bagi kategori Akauntabiliti Kewangan bagi tahun 2015 oleh Ketua Audit Negara. Kerajaan Negeri juga turut menerima Sijil Audit Bersih Penyata Kewangan Kerajaan Negeri seperti tahun-tahun sebelumnya. Pengurusan Kerajaan Negeri turut diiktiraf dan diberi penarafan 5 Bintang bagi Indeks SSR Agensi Sektor Awam Tahun 2015/2016 oleh Ketua Setiausaha Negara dan penarafan 5 Bintang dalam Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS Tahun 2015 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Pejabat SUK Kelantan berada pada kedudukan ke-4 antara 11 pejabat SUK seluruh Malaysia dan yang pertama antara empat pejabat SUK yang bukan diisi oleh pegawai gunasama Persekutuan. Selain itu, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri juga telah berjaya memperolehi Sijil Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001: 2013 daripada pihak SIRIM Sdn. Bhd. dan dipersijilkan Pengurusan Aduan Awam Cemerlang oleh Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri berdasarkan kepada peratusan penyelesaian kes aduan awam yang melebihi **98%** dan penyelesaian kes dalam tempoh 15 hari yang melebihi **60%**.
- 6.2 Di dalam bajet 2017, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM2.2 juta** berbanding **RM1.5 juta** bagi tahun 2016 untuk pembangunan kompetensi pegawai perkhidmatan awam negeri melalui perancangan kursus atau latihan yang mampan. Sebagai penghargaan kepada Anggota Perkhidmatan Awam, Kerajaan Negeri sentiasa mengikuti langkah sama Kerajaan Persekutuan bagi membayar

bantuan khas kewangan sebanyak **RM5 ratus** seorang bagi setiap penjawat awam Negeri gred 54 dan ke bawah. Begitu juga sebagai menghargai sumbangan dan peranan institusi pondok dalam pengembangan dan pemantapan agama, Kerajaan Negeri bermurah hati memberi Bantuan Khas Kewangan pada setiap bulan kepada semua Mudir Pondok di Kelantan sebanyak **RM 1 ribu** setiap orang, manakala setiap Pembantu Mudir sebanyak **RM5 ratus**. Untuk itu, sebanyak **RM 720 ribu** diperuntukkan bagi tujuan tersebut.

- 6.3 Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan kesedaran kepada pemilik-pemilik tanah agar menjelaskan premium dan cukai tanah serta tunggakan menerusi kempen dan usaha bersepadu oleh semua Pejabat Tanah. Ini bertujuan untuk mempertingkatkan kecekapan dalam pengurusan kutipan hasil dan cukai di samping mengenalpasti punca-punca hasil baharu. Kesungguhan kerajaan menerusi penubuhan pasukan petugas khas di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian serta peruntukan peralatan, kewangan dan kakitangan dijangka mampu menjana peningkatan pungutan hasil bagi tahun 2017.
- 6.4 Selaras dengan usaha tersebut Kerajaan Negeri juga berharap agensi-agensi negeri seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) dan Yayasan Islam Kelantan (YIK) akan terus berusaha untuk mempertingkatkan hasil atau mencari punca hasil baharu. Agensi-agensi ini perlu kreatif dan proaktif dalam usaha ini supaya dapat berdikari dan tidak terlalu bergantung kepada sumber bantuan Kerajaan Negeri.
- 6.5 Kerajaan berharap semua jabatan kerajaan sentiasa mengambil langkah penambahbaikan, pembetulan dan pencegahan dalam pengurusan pentadbiran dan kewangan jabatan bagi tujuan memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan dan pengurusan kutipan hasil negeri.

## 7. Ucapan Penghargaan

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

- 7.1 Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyampaikan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun, Penguasa-Penguasa Tempatan, Pegawai dan Anggota Keselamatan, Pemimpin-Pemimpin Masyarakat dan seluruh rakyat Negeri Kelantan ini yang telah sama-sama berusaha untuk mewujudkan kesatuan, keamanan, kemakmuran serta kesejahteraan hidup di negeri yang kita sayangi ini.
- 7.2 Kerajaan Negeri juga ingin merakamkan ucapan penghargaan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di atas kerjasama dalam menyalurkan kepada Perbendaharaan Negeri geran-geran peruntukan yang menjadi hak Negeri dalam Perlembagaan Persekutuan.

## 8. Penutup

Allah SWT berfirman:-

إِنَّ أُرِيدُ إِلَّا إِلَّا صَلَحَ مَا أَسْتَطَعْتُ وَمَا تَوْفِيقِي إِلَّا بِاللَّهِ عَلَيْهِ تَوَكِّلْتُ  
وَإِلَيْهِ أُنِيبُ

Maksudnya: "Aku hanya berkehendak untuk memperbaiki sedaya upayaku; dan tiadalah aku akan beroleh taufik untuk menjayakannya melainkan dengan pertolongan Allah. Kepada Allah jualah aku berserah diri dan kepadaNyalah aku kembali." (Surah Hud : 88)

**Yang Berhormat Dato' Speaker,**

- 8.1 Saya menyeru kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan sekalian, dengan semangat dan ruh kebenaran, dengan obor sinar kebahagian, bergeraklah ke gerbang jasa, berpedomankan Al-Quran dan Sunnah, sucikanlah niat di hati, hingga nyata benarnya janji Rabbi. Di kesempatan ini juga, saya ingin berdoa dengan penuh harapan agar bayaran tunai ataupun royalti minyak daripada Petronas kepada Kerajaan Negeri dapat direalisasikan demi kemaslahatan semua rakyat Negeri ini.
- 8.2 Dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu dan dalam keadaan berlakunya perkara-perkara yang turut menjelaskan kesejahteraan hidup rakyat Malaysia dan kesannya kesempitan hidup rakyat jelas terasa, maka Kerajaan Negeri sebagai Kerajaan Berkebajikan yang prihatin terhadap masalah rakyat dengan ini memutuskan dan mengumumkan sebagaimana berikut:-

Bahawa:-

1. bayaran denda berkaitan premium tanah;
2. bayaran denda lewat bayar cukai tanah; dan
3. lain-lain bayaran denda yang melibatkan tanah dan pembangunan tanah;

akan diberi diskaun sebanyak 90% kepada seluruh rakyat Kelantan. Bayaran beserta diskaun ini akan dapat dinikmati oleh rakyat dengan membuat pembayaran dalam tempoh tawaran iaitu bermula 1 November 2016 hingga 31 Disember 2016.

- 8.3 Kerajaan Negeri berharap agar dengan peruntukan bajet pada tahun 2017 beserta dengan pengumuman Kerajaan Negeri sebentar tadi, Negeri Kelantan akan lebih diberkati, makmur dan berkebajikan demi kesejahteraan rakyat di dunia mahupun di akhirat.

- 8.4 Marilah kita sama-sama berdoa agar Allah SWT menjadikan Belanjawan Negeri Kelantan Tahun 2017 yang bertemakan “**Kelantan Sejahtera Untuk Islam**” yang dibentangkan ini agar dilimpahi rahmat dan keberkatan daripada Allah SWT.
- 8.5 Sebagai penutup, saya ingin menyeru kepada semua Ahli Dewan yang mulia ini dengan ungkapan keramat daripada Al-Marhum Tok Kenali:

*“Maka tiada hari bagi kita, jika kita tiada bergerak pada hari ini.”*

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan.

أَفُوْلُ قَوْلِيْ هَدَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

# *Catatan*